



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

Department Of Veterinary Services

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan
Wisma Tani, Blok Podium Lot 4G1 & 4G2
No. 28 Persiaran Perdana, Presint 4
62630 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 603-8870 2000
Faks : 603-8888 6021
E-mel : pro@dvs.gov.my
Laman Web : www.dvs.gov.my

NOTIS HEBAHAN

PERMOHONAN PROJEK INSENTIF GALAKAN PENINGKATAN PRODUKTIVITI RUMINAN KECIL KE ARAH PURATA KADAR KELAHIRAN NASIONAL 100% (PIKK100%)

Projek Insentif Galakan Peningkatan Produktiviti Ruminan Kecil Ke Arah Purata Kadar Kelahiran Nasional 100% (PIKK100%) adalah projek yang dilaksana secara **geran penuh** kepada penternak kambing pedaging / kambing tenusu / bebiri pedaging yang mempunyai **kadar kelahiran ternakan sekurang-kurangnya 100%** dan **dinilai berpotensi oleh DVS**.

Objektif projek ini adalah :

- i. Menyediakan insentif kepada penternak berpotensi untuk terus meningkatkan prestasi pengeluaran ladang;
- ii. Meningkatkan kadar kelahiran ternakan ruminan kecil negara;
- iii. Menggalakkan penglibatan penternak dalam Program Pengembangan Veterinar, dan
- iv. Meningkatkan bilangan ladang yang mengamalkan Amalan Penternakan Yang Baik (Good Animal Husbandry Practice)

Golongan sasar adalah penternak lembu pedaging seluruh Semenanjung Malaysia

Insentif yang akan diterima secara pakej adalah:

Pakej Kambing Pedaging	Pakej Kambing Tenusu	Pakej Bebiri Pedaging
Induk kambing pedaging kacukan	Induk kambing tenusu kacukan	Induk bebiri pedaging kacukan
Pejantan kambing pedaging kacukan	Pejantan kambing tenusu kacukan	Pejantan bebiri pedaging kacukan
Makanan ternakan/garam jilat (untuk persediaan penerimaan ternakan)	Makanan ternakan/garam jilat (untuk persediaan penerimaan ternakan)	Makanan ternakan/garam jilat (untuk persediaan penerimaan ternakan)
Mesin pemerah susu mudah alih		

Seorang penternak hanya akan diluluskan satu jenis pakej sahaja

Permohonan dibuka bermula **24 Jun 2024** dan akan ditutup pada **22 Julai 2024**

Syarat-syarat permohonan adalah seperti berikut:

1. Pendaftaran ID premis - Pemohon mestilah penternak yang berdaftar dengan E-Vet Permit dan berdaftar dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Daerah sekurang-kurangnya sebelum 30 Januari 2023
2. Warganegara Malaysia yang berumur tidak kurang 18 tahun pada 1 Januari tahun permohonan.
3. Pemohon mestilah mempunyai pengalaman menternak ternakan ruminan sekurang-kurangnya tiga tahun.
4. **Dibimbang dalam Program Pengembangan Veterinar (PPV) sekurang-kurangnya bermula pada tahun 2022**
5. **Kadar kelahiran ternakan pemohon hendaklah $\geq 100\%$ pada tahun 2023.**
6. Mempunyai kawasan menternak yang sah dan kemudahan yang sesuai. Mempunyai surat pemilikan / surat kebenaran / surat perjanjian yang berkaitan bagi pembuktian status kawasan penerimaan
7. Keluasan kawasan menternak yang mencukupi dan mempunyai sumber makanan.
8. Pemohon berupaya untuk melaksana dan mengurus projek.
9. Pemohon yang berjaya perlu bersetuju untuk dipantau oleh DVS sepanjang tempoh perlaksanaan projek.
10. Ladang ternakan pemohon mempunyai program kesihatan dengan DVS Negeri/VetEC
11. Pemohon yang berjaya bersetuju menandatangani perjanjian bersama Kerajaan bagi menjalankan projek penternakan di bawah projek ini.



Borang permohonan boleh diperolehi di laman web Jabatan, Pejabat DVS Negeri, Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah, Pusat Pengembangan Veterinar (VetEC) dan Pusat Operasi di bawah VetEC.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi : Dr. Mohd Razi bin Abdullah 03-8870 2442
Dr. Syuhada bt Ahmad Kamil 03-8870 2443
Dr. Ummi Norhakimah bt Abdullah 03-8870 4800